


Toolkit tindakan ini mengandungi maklumat tentang dua hak asasi orang yang ditangkap:

- ✓ Hak untuk memberitahu orang lain yang mereka ditangkap
- ✓ Hak untuk mengetahui hak mereka apabila ditangkap


Orang yang ditangkap juga mempunyai hak-hak yang berikut:

- ✓ Dilayan dengan hormat dan bermaruah. Pihak berkuasa tidak boleh menggunakan sebarang bentuk kekerasan terhadap orang yang ditangkap.
- ✓ Berhak untuk tidak bersuara. Pihak berkuasa tidak boleh memaksa orang yang ditangkap untuk memberikan maklumat atau mengaku salah.
- ✓ Memaklumkan keluarga atau saudara mara tentang tangkapan yang berlaku dan tempat orang tersebut ditahan.
- ✓ Menghubungi dan mendapatkan nasihat peguam
- ✓ Diperiksa oleh seorang doktor. atau ahli perubatan
- ✓ Dibantu oleh seorang jurubahasa, jika perlu.

Anda boleh mendapatkan versi elektronik toolkit ini dengan mengimbas kod QR di bawah:



Apa yang akan saya lalui selepas ditangkap?




- Saya mesti dilayan dengan hormat dan bermaruah.
- Saya mesti dimaklumkan alasan penangkapan.
- Saya mesti dimaklumkan tentang hak saya sewaktu ditangkap.

- Saya mesti dibawa ke balai polis serta-merta.
- Saya mesti dibawa ke balai dengan kenderaan rasmi polis.

- Penahanan saya di balai polis tersebut harus direkod.
- Saya mesti dimaklumkan tentang alasan penangkapan saya serta merta.
- Saya mesti dimaklumkan tentang hak saya serta-merta.
- Saya mesti dibantu oleh seorang jurubahasa, jika perlu.
- Saya mesti dibenarkan untuk menghubungi orang yang saya percayai dengan serta-merta.
- Saya mesti dibenarkan untuk mendapat nasihat guaman secara peribadi.
- Saya mesti diperiksa oleh seorang doktor atau ahli perubatan, jika saya memerlukannya.
- Saya mesti diberikan makanan, minuman yang secukupnya, pakaian yang bersesuaian dan jika perlu, tempat tidur.
- Saya mesti dibenarkan untuk berhubung dan menerima kunjungan dari orang luar.
- Saya mesti dibenarkan untuk membuat pengaduan jika saya dilayan dengan buruk sewaktu tangkapan atau dalam tahanan.

- Saya mesti dibawa ke mahkamah untuk semakan kehakiman penangkapan saya.
- Saya mesti diberikan ruang untuk memaklumkan hakim tentang bagaimana saya dilayan sewaktu tangkapan dan tahanan.
- Saya harus dibantu oleh seorang peguam.
- Saya mesti dibantu oleh seorang jurubahasa, jika perlu.

Saya pernah ditahan empat kali
oleh pihak berkuasa tetapi saya
tidak tahu apa hak saya! -
Leo, Bangkok



Penerbitan toolkit ini ditaja oleh:



Toolkit Tindakan Hak-Hak
Orang Yang Ditangkap

Informasi Tentang Hak Apakah yang harus anda tahu?



Apa yang harus kita buat jika kita menangkap seseorang?

 Memberitahu orang yang ditangkap hak-haknya.

 Memastikan dia memahami hak-haknya dan bagaimana dia boleh melaksanakannya? Tanya orang yang ditangkap jika beliau ada sebarang soalan.

 Catat semua maklumat tentang hak-hak beliau yang telah dimaklumkan dan sebarang pertanyaan yang beliau kemukakan?

 Bersedia untuk menolong pihak tertentu untuk memahami hak mereka contohnya kanak-kanak, orang kurang upaya, pendatang asing atau orang yang buta huruf.

Ingatlah! Membantu orang yang ditangkap memahami hak-hak mereka akan membantu mereka untuk mempercayai dan berkerjasama dengan anda.



Orang yang ditangkap harus diberitahu tentang hak-haknya dengan segera, ketika ditangkap dan apabila dibawa ke tempat yang ditahan.



Dilayan dengan hormat dan bermaruah. Pihak berkuasa tidak boleh menggunakan sebarang bentuk kekerasan terhadap orang yang ditangkap.



Berhak untuk tidak bersuara. Pihak berkuasa tidak boleh memaksa orang yang ditangkap untuk memberikan maklumat atau mengaku salah.




Memberitahu keluarga atau teman tentang penangkapan serta tempat beliau ditahan.



Menghubungi dan meminta nasihat dari peguam.



Diperiksa oleh doktor.




Dibantu oleh seorang jurubahasa jika perlu.



Pegawai harus memaklumkan orang yang ditangkap alasan penangkapan dan waran penangkapan.



Hak yang diterangkan di atas terdapat dalam Prosedur Peraturan dan Undang-Undang Jenayah Thailand.



Apa yang harus kita buat jika kita ditangkap?



Bertenang! Anda akan dapat mengawal keadaan dengan lebih baik jika kita tenang. Pihak berkuasa harus melayan anda dengan hormat dan tidak boleh menggunakan sebarang kekerasan terhadap anda.



Ingat yang anda mempunyai hak di sisi undang-undang dan pihak berkuasa harus memaklumkan anda hak-hak tersebut.



Tanya pihak berkuasa jika anda tidak faham apa yang diberitahu oleh pegawai atau minta penjelasan daripadanya tentang bagaimana anda boleh melaksanakan hak-hak tersebut.



Mohon pegawai untuk memaklumkan penangkapan itu dengan segera kepada orang yang anda percayai.




Hubungi dan bincang situasi anda dengan peguam secepat mungkin.

"Saya tidak tahu berapa lama suami saya akan ditahan. Tetapi apabila saya tahu di mana beliau berada dan apabila saya di benarkan untuk melawat beliau, ianya memberi saya harapan"
Puan Tip, isteri.




Memberitahu
Keluarga
tentang
tangkapannya.



Toolkit Tindakan Hak-Hak Orang Yang Ditangkap

Ketahui Hak Anda!





Apakah yang harus dibuat oleh pihak berkuasa apabila menahan seseorang

- ✓ Segera memaklumkan beliau bahawa beliau boleh memberitahu keluarga atau saudara mara bahawa beliau ditangkap.
- ✓ Bantu beliau untuk menghubungi terus keluarga atau saudara mara secepat mungkin.
- ✓ Pastikan orang yang dihubungi mengetahui di mana beliau ditahan dan bagaimana untuk menghubungi atau mengziarahinya?
- ✓ Ingatlah bahawa menolong orang yang ditangkap menghubungi keluarganya dapat membantu mereka membina kepercayaan dan bekerjasama dengan pihak berkuasa
- ✓ Bersedia untuk menolong pihak tertentu untuk memahami hak mereka contohnya kanak-kanak, orang kurang upaya, pendatang asing atau orang yang buta huruf.

Memberitahu Keluarga tentang tangkapan. Apa yang perlu anda tahu?



Orang yang ditangkap berhak untuk memberitahu keluarganya bahawa dirinya ditangkap.



Memberitahu pihak lain tentang penangkapan tersebut boleh membantu beliau melaksanakan hak-haknya dengan sepenuhnya.



Nama tempat atau alamat (tempat beliau ditahan).



Bila beliau ditangkap.



Bila dan bagaimana mereka boleh menghubungi dan mengziarahi.



Keadaan kesihatan beliau jika perlu.



Orang asing berhak untuk menghubungi konsulat.



Kanak-kanak yang belum mencapai 18 tahun berhak untuk menghubungi Ibu-bapa atau penjaga.



Hak yang diterangkan di atas terdapat dalam Prosedur Peraturan dan Undang-Undang Jenayah Thailand.



Apa yang harus kita buat jika kita ditangkap?



Bertenang! Anda akan dapat mengawal keadaan dengan lebih baik jika anda tenang. Pihak berkuasa harus melayan anda dengan hormat dan tidak boleh menggunakan sebarang kekerasan terhadap anda.



Segera hubungi keluarga atau saudara-mara.



Jika tidak berpeluang, minta pihak berkuasa bantu anda untuk menghubungi keluarga atau saudara mara anda.



Jika tidak ada orang yang dapat dihubungi, minta tolong pihak berkuasa untuk menghubungi peguam atau pegawai sosial dan masyarakat.




Maklumkan orang yang anda hubungi, tempat anda ditahan, bila mereka boleh melawat dan sebarang maklumat yang penting termasuklah keadaan kesihatan mereka.



Baca, guna dan kongsi maklumat dari toolkit dengan orang lain.



Sebarikan laman sesawang toolkit tindakan di media sosial dengan rangkaian dan kawan-kawan anda menggunakan #safeguardsinTHAILAND



Pamerkan kod QR untuk toolkit tindakan di tempat awam seperti klinik undang-undang, perhentian bas, papan komuniti, kafe atau tempat menunggu di balai polis.



Cetak pamflet dan pamerkan di pejabat anda atau pusat komuniti.



Masukkan kandungan pamflet dalam suratkhbar atau makalah tempatan.



Sebarikan toolkit tindakan dalam latihan anda bersama peguam, pihak berkuasa atau mahasiswa undang-undang.



Cetak dan berikan sesalinan pamflet kepada teman atau jiran anda.



Kenali pusat bantuan guaman atau peguam dalam komuniti anda dan bagaimana untuk menghubungi mereka sekiranya berlaku kecemasan.